

Headline	Rebat deposit pelanggan TNB		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	7
ArticleSize	57 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,711		



## Rebat deposit pelanggan TNB

**Kuala Lumpur:** Pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menerima faedah tahunan berjumlah 2.5 peratus dikenali sebagai rebat daripada jumlah deposit keselamatan elektrik yang dibayar.

Faedah yang dilaksanakan setiap tahun itu adalah seperti yang diperuntukkan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990.

"Jumlah faedah itu akan dikreditkan ke bil elektrik pelanggan pada bulan ini.

"Menerusi faedah tahunan ini, deposit keselamatan pelanggan TNB akan bertambah dari semasa ke semasa memandangkan ia dikira berdasarkan baki deposit terkumpul.

"Bagaimanapun, rebat hanya diberikan sekiranya deposit dibayar secara tunai," katanya menerusi kenyataan dikeluarkan, semalam.

TNB berkata, pelanggan dengan jumlah deposit melebihi RM2,000 mempunyai pilihan untuk membayar secara tunai atau melalui jaminan bank.